

Identiti Ras/Etnik

Nurzaira Azreena Bt. Rahamat

Menurut Twenge dan Crocker (2002), identiti ras/etnik yang positif akan menyumbang kepada pembentukan konsep sendiri positif di kalangan orang kulit hitam. Identiti ras/etnik positif ini mungkin berkaitan dengan mekanisme 'perlindungan diri' kerana berada dalam kelompok kumpulan minoriti dan juga penggunaan ahli kumpulan sendiri sebagai kelompok rujukan. Pendidikan serta pendedahan kepada sejarah dan budaya juga turut menyumbang kepada kesedaran identiti diri. Selain itu, perubahan sosial yang berlaku seperti kesamarataan hak-hak sivil orang kulit hitam (berlaku pada tahun 1960-an di Amerika Syarikat) turut menyumbang kepada perubahan identiti kumpulan minoriti yang menjurus kepada peningkatan estim-kendiri kaum tersebut.

Berdasarkan kepada teori identiti sosial pula, apabila identiti sesuatu kumpulan itu kelihatan menonjol dan sering dipandang rendah serta dilihat buruk berbanding kumpulan lain (dalam konteks hubungan ras/etnik kumpulan yang dipandang rendah adalah kumpulan minoriti), orang-orang di dalam kumpulan tersebut akan berusaha untuk mencapai identiti kumpulan yang positif dengan cara menegaskan aspek-aspek yang diingini dalam kumpulan mereka, menukarkan idea stereotaip negatif kepada positif dan bertindak lebih memihak kepada ahli-ahli dalam kumpulan. Apabila identiti ini menjadi keutamaan dan juga bersifat positif, konsep sendiri sesuatu kumpulan ras/etnik itu turut menjadi positif dan akhirnya menyumbang kepada estim sendiri yang tinggi bagi setiap individu di dalam kumpulan tersebut. Terdapat beberapa kajian yang menunjukkan korelasi positif antara identiti kumpulan dengan estim sendiri individu (misalnya kajian yang dibuat oleh Branscombe, Schmitt dan Harvey, 1999; Phinney, Cantu dan Kurtz, 1997; Pope, 2000; Rowley, Sellers, Chavous dan Smith, 1998; serta Wilson dan Constantine, 1999).

Brown (1998) telah memberikan salah satu faktor yang mempengaruhi penonjolan identiti sesuatu kumpulan itu ialah kerana sifat-sifat yang unik dan tersendiri yang ada pada mereka. Wolkon (1971) menyatakan orang kulit hitam lebih merasakan diri mereka sebagai berbangsa Afrika walaupun mereka berada di negara Amerika Syarikat. Ini disebabkan berada di bumi asing membuatkan mereka berasa unik dan tersendiri. Keadaan ini dikatakan akan meningkatkan estim-kendiri orang-orang kulit hitam tersebut sama ada kerana

berbangga dengan etnik Afrika mereka atau penolakan identitas sebagai bangsa Amerika. Oleh yang demikian, mereka tidak menerima nilai-nilai yang dianggap tinggi oleh orang kulit putih tersebut. Sebaliknya, Lewin (1948) dan K.B. Clark (1959) seperti yang dipetik dalam Wylie *et.al* (1979) pula ada menyebut perasaan sebagai bangsa Afrika menimbulkan kesamaran dan kekeliruan dalam diri yang akan memberikan kesan buruk kepada konsep sendiri mereka.